

08 JUL 2003

Mahathir-Kota Putra (Bergambar)

DR MAHATHIR ARAH PROJEK KOTA PUTRA DIPERCEPATKAN

KUALA NERANG, 8 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengarahkan supaya dipercepatkan pembinaan projek Kota Putra, iaitu pintu sempadan kedua menghubungkan Malaysia-Thailand di sebelah Kedah, yang terletak di Durian Burung, dekat sini.

Beliau berkata pembangunan projek itu di sebelah negara ini dilihat agak lambat.

Katanya Thailand telah pun membina jalan dari Songkhla ke pintu sempadan dengan Malaysia itu sedangkan pembinaan jalan di pihak Malaysia masih belum selesai urusan pemberian kontrak.

"Saya mahu pihak kita percepatkan pembinaan kemudahan prasarana seperti jalan supaya pintu sempadan kedua di Kedah itu dapat dibuka secepat mungkin," katanya kepada pemberita selepas melawat dan mendengar taklimat projek pembangunan kawasan berkenaan hari ini.

Pintu sempadan itu adalah yang kedua di Kedah, selepas Bukit Kayu Hitam, yang memberi kemudahan rakyat negara ini dan Thailand keluar masuk antara kedua-dua negara.

Dr Mahathir, yang tiba pagi ini di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim Kepala Batas untuk lawatan sehari ke negeri ini, terus menaiki helikopter ke Hutan Simpan Chebar Besar di Ulu Muda bagi meninjau kawasan hutan buluh dan seterusnya ke tapak pintu sempadan kedua itu.

Beliau diberi taklimat oleh Pengurus Besar Northern Intergrated Agriculture (NIA) Zamani Kasim, yang merupakan pemaju projek berkenaan, mengenai pembangunan yang melibatkan kawasan seluas 1,357km persegi, dan mengambil masa 15 tahun untuk menyiapkan keseluruhan projek.

Projek itu dimulakan tahun lepas dengan kerja-kerja penebangan kawasan hutan dan diikuti pembinaan pusat pemeriksaan yang menempatkan Imigresen, Kastam dan Kuarantin.

Perdana Menteri juga mencadangkan pembinaan bangunan yang besar dan indah di kawasan itu pada peringkat awal ini tidak perlu kerana kemudahan seperti itu dapat dipertingkatkan setelah kawasan berkenaan mencapai kemajuan pada masa depan.

Katanya dengan mengadakan kemudahan secara sederhana, ia dapat menjimatkan perbelanjaan kerajaan dalam menyediakan prasarana di kawasan itu.

Dr Mahathir berkata langkah kerajaan membangunkan satu lagi pintu sempadan itu kerana mahu memajukan timur Kedah kerana selama ini pembangunan di negeri berkenaan hanya tertumpu di bahagian sebelah barat.

Katanya dengan adanya pintu sempadan itu, akan wujud rangsangan ekonomi sebelah timur Kedah serta memberi banyak peluang perniagaan dan pekerjaan kepada penduduk sekitar.

"Untuk bangunkan kawasan ini kita bercadang untuk adakan industri pertanian bersepadu dengan menanam pelbagai jenis buah-buahan serta mewujudkan kilang-kilang kecil seperti perusahaan mengetin buah-buahan," katanya.

Beliau berkata kawasan ini juga mempunyai banyak buluh yang boleh dimajukan menjadi industri dengan mewujudkan program satu kampung satu industri.

"Kerajaan akan meminta bantuan Jepun bagi membangunkan industri pembuatan barangan dari buluh," katanya.

Dalam lawatan seharinya itu, Perdana Menteri turut melawat Kuala Kedah Marina Harbour di Kuala Kedah, dan menghabiskan masa kira-kira 45 minit

bagi meninjau serta mendengar taklimat daripada Pengarah BF Infra Sdn Bhd, Faridah Omar Shah mengenai projek itu.

Projek yang bernilai RM26 juta di atas tanah seluas 16 hektar itu mula dibina Jun tahun lepas dan dijangka siap sepenuhnya bulan depan.

Apabila siap, ia dapat memuatkan 44 perahu layar yang panjangnya sehingga 30 meter di samping menempatkan sebuah rumah kelab dua tingkat bagi Kelab Perahu Layar Kuala Kedah.

Dr Mahathir kemudiannya meluangkan masa dan makan tengah hari di rumah anak saudaranya Datin Yasmin Mashahor serta beramah mesra dengan dua orang kakaknya Rafeah dan Habsah yang turut berada di situ.

Beliau berlepas pulang ke Kuala Lumpur petang ini.

-- BERNAMA

MZM SN MNH ROS